

Pendidikan awal cara tangani ancaman bencana penting untuk keselamatan

Berikutan kejadian gempa bumi di Sabah, yang perlu dititikberatkan juga ialah aspek pencegahan serta kesedaran mengenai keselamatan rakyat dalam menghadapi suasana bencana alam, terutama bencana berskala besar.

Jika diamati, banyak insiden bencana alam mula berlaku di negara ini. Tahun lalu, negara dikejutkan dengan kejadian puting beliung di Kedah dan Selangor, selain kejadian banjir luar biasa di negeri Pantai Timur serta Sabah dan Sarawak.

Rata-rata rakyat masih kurang pendedahan serta pengalaman dalam menghadapi bencana. Walaupun Malaysia berada berhampiran Lingkaran Api Pasifik, kejadian bencana alam yang berskala besar seperti gempa bumi, amat jarang berlaku.

Beri pendidikan awal langkah keselamatan

Oleh yang demikian, penting langkah awal diambil bagi memberi didikan serta mendedahkan rakyat mengenai langkah kawalan keselamatan yang perlu di-

ambil dalam menghadapi bencana alam seperti gempa bumi, banjir besar dan Tsunami.

Kerajaan boleh belajar mengenai pendidikan bencana alam di negara yang sering berdepan bencana alam seperti Jepun, Korea, Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah.

Memandangkan bencana alam berskala besar banyak berlaku di negara berkenaan, mereka sudah tentu mempunyai sistem pendidikan yang baik untuk didedahkan kepada rakyat dalam menghadapi suasana bencana alam.

Kementerian Pendidikan melalui kerjasama agensi berkaitan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) boleh memperkenalkan sukatan pelajaran mengenai aspek pengurusan bencana, serta langkah dalam menghadapi bencana alam di sekolah.

Pendidikan awal mengenai isu bencana alam penting bagi memberi pendedahan serta menyediakan rakyat Malaysia dalam menghadapi sebarang bencana alam yang mungkin menimpa negara pada masa akan datang.

Dengan ini, rakyat dapat mempelajari langkah perlu diambil serta bersedia menghadapi sebarang bencana alam yang mendatang.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia

“ Pendidikan awal mengenai isu bencana alam penting bagi memberi pendedahan serta menyediakan rakyat Malaysia menghadapi sebarang bencana alam yang mungkin menimpa negara pada masa akan datang”